

## PENGETAHUAN BELIA TERHADAP NILAI-NILAI MURNI DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT PROGRESIF DI SELANGOR

WAN NOR AZILAWANIE TUN ISMAIL, ADLINA AB. HALIM,  
ZARINA MUHAMMAD & LEE YOK FEE

### **ABSTRAK**

*Belia merupakan aset dan pewaris pembangunan negara. Sebagai generasi pewaris atau penerus kecemerlangan negara, mereka mestilah mempunyai sifat-sifat keperibadian yang luhur dan progresif. Belia pewaris perlu dididik dengan nilai murni bagi membentuk masyarakat Malaysia yang bertamadun. Dalam konteks belia pelbagai etnik, penerapan nilai-nilai murni seperti berbudi bahasa, hormat-menghormati, bertimbang rasa dan kesederhanaan adalah penting bagi mewujudkan persefahaman dan kesepadan sosial dalam masyarakat. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan belia pelbagai etnik terhadap nilai-nilai murni dalam masyarakat. Reka bentuk penyelidikan yang dipilih dalam kajian ini adalah penyelidikan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini dijalankan di empat daerah (Gombak, Ulu Langat, Petaling dan Klang) di negeri Selangor. Seramai 400 orang belia terlibat dalam kajian ini. Jumlah responden bagi setiap daerah seramai 100 orang belia yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India. Kategori umur responden adalah 15 hingga 25 tahun. Hasil kajian ini secara umumnya menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat. Kesimpulannya, nilai-nilai murni ini perlu difahami dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira etnik bagi mewujudkan keharmonian dan membendung gejala sosial dalam masyarakat pada hari ini.*

**Kata Kunci:** Tahap Pengetahuan, Nilai-nilai Murni, Progresif, Belia, Pelbagai Etnik

### **ABSTRACT**

*Youth is an asset and the beneficiary country's development. As generations of heirs or successor country, they must have the properties of noble personality and progressive. Youth beneficiary need to be educated with positive values to form a Malaysian society that is civilized. In the context of youth a variety of ethnic groups, the application of values such as respect, courteous, considerate and simplicity is important for creating understanding and social integration in society. Therefore, this study aims to identify the level of knowledge among multi-ethnic youth toward the inculcation noble values. The research design for this study is quantitative research and survey method was employed by distributing questionnaires. The study was conducted in four districts (Gombak, Ulu Langat, Petaling and Klang) in Selangor.*

*A total number of 400 youth were selected randomly for this study. Each district comprised 100 youth from different ethnic including Malay, Chinese and Indian and age category among respondent is from 15 to 25 years. Finding of this study shows that the respondents have a high level knowledge of the noble values which was instilled by Malaysian society. Thus, these noble values need to be understood and practiced by all people regardless of ethnicity to create harmony and curb social ills in society today.*

**Keywords:** *Level of knowledge, Noble Values, Progressive, Youth, Multiethnic*

## **PENGENALAN**

Belia merupakan aset yang penting bagi negara. Belia bertanggungjawab untuk mengekalkan nilai dan budaya yang akan membina world view generasi pelapis. Belia mewarisi nilai dan budaya masyarakat yang terdahulu dan berperanan untuk mewariskannya kepada generasi seterusnya. Menurut Turiman Suandi et. al (2008), dan Syed Othman Syed Omar (2005), belia perlu membangunkan konsep kendiri mereka dengan lebih mantap di samping menerapkan nilai-nilai murni secara berterusan. Ini kerana cabaran dalam dan luaran sentiasa memberikan cabaran kepada golongan muda yang sememangnya begitu rapuh jika tidak diberi bimbingan yang bersepadu.

Menurut Mohd Ibrani Shahrimin, et. al (2011) faktor nilai budaya perlu ditekankan dalam pembangunan belia iaitu pemilikan peribadi yang bersepadu dari aspek rohaniah, akliah dan nilai murni. Pembangunan belia yang dimaksudkan adalah pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada dunia sekeliling mereka dan bukan setakat menjurus kepada pembangunan individu sahaja. Pembangunan belia yang berkesan dan bertepatan dengan nilai belia akan mengeluarkan hasil yang memberi faedah kepada bangsa, agama dan negara. Proses pembangunan belia yang betul akan melahirkan belia yang mampu membangunkan dunia mereka selain menjadi agen pembangunan negara yang berkesan.

Dalam era globalisasi masa kini, nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat semakin luntur. Akhir-akhir ini, kebanyakan akhbar tempatan melaporkan pelbagai kejadian jenayah dalam negara yang boleh dikaitkan dengan kepincangan nilai-nilai murni seperti warga emas maut selepas diragut, pelajar 15 tahun dakwa dirogol rakan sekolah, kes samun, dan sebagainya (Utusan Malaysia,2013, Berita Harian, 2013). Kejadian jenayah ini berlaku disebabkan oleh kurangnya didikan agama dan nilai dalam kekeluargaan, pengaruh persekitaran, hawa nafsu, tuntutan mengejar kebendaan, pangkat hingga menafikan nilai-nilai murni yang diajar oleh agama dan budaya tempatan.

Pengamalan terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat bagi menggambarkan keperibadian seseorang semakin tidak dititikberatkan dalam kehidupan sehari-hari khususnya dalam kalangan belia. Dalam rangka meningkatkan kemajuan negara Malaysia, kepelbagaiannya budaya dan agama perlu dipertahankan berdasarkan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur. Penghayatan nilai-nilai murni yang tinggi akan menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, generasi ini perlu dilengkapi dengan penghayatan ilmu, akhlak serta dibekalkan dengan kefahaman terhadap peranan yang perlu dilaksanakan. Oleh yang demikian, kajian perlu dilakukan untuk mengkaji mengapa nilai-nilai murni semakin kurang dihayati oleh generasi muda, khususnya belia. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada tahap pengetahuan belia khususnya di Selangor terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat. Skop pengetahuan nilai murni yang dikaji meliputi nilai kesederhanaan, bertimbang rasa, berbudi bahasa dan hormat-menghormati. Dapatkan kajian ini hanya sebahagian sahaja daripada kajian keseluruhan yang telah dijalankan.

## LITERATUR

Setiap perilaku dan pemikiran manusia yang kompleks dipengaruhi oleh sistem nilai yang menjadi nadi kepada kehidupan manusia. Seseorang individu mestilah mempunyai sejumlah nilai-nilai yang diamalkan dalam dirinya bagi mencapai kehidupan sejahtera yang menjadi matlamat pembangunan negara. Ini kerana walaupun masyarakat berbeza dari segi budaya dan agama, tetapi dapat disatukan oleh nilai, sikap dan tingkah laku (Shuhairimi Abdullah, 2009 dan Mohamad Khairi Othman et. al, 2012). Pengaruh nilai serta budaya yang dibawa oleh sesuatu bangsa merupakan sesuatu yang amat penting dalam pembentukan generasi seterusnya bagi masyarakat Malaysia.

Menurut Sarjit. S, Jayum. J, Lee Yok Fee, et al. (2008), sistem kepercayaan, nilai, sikap dan tingkah laku belia akan mempengaruhi dan memberi kesan yang berterusan kepada pembangunan negara pada masa hadapan. Pembangunan dari aspek kerohanian dan akhlak adalah penting untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 (Lee Yok Fee dan Sarjit S., 2008 & Huw. T, 2012). Pembangunan yang hakiki harus berteraskan kepada ketinggian nilai, budaya, ilmu, adab dan kemajuan teknologi yang diseimbangkan secara saksama. Kesedaran serta pengamalan terhadap nilai-nilai murni perlu dipertingkatkan dalam setiap kelompok masyarakat supaya generasi belia yang diinginkan negara dapat dihasilkan.

Budi bahasa dan nilai-nilai murni peradaban bangsa kian terhakis walhal negara Malaysia sedang bergerak ke arah menjadi negara yang maju. Pembangunan kebudayaan sekarang bercorak hiburan dan penuh dengan unsur-unsur hedonisme. Akal budi masyarakat terutama generasi muda kian bercelaru dan keliru tanpa muahu menghidupkan budaya berbudi bahasa, bahkan kian kehilangan kesopanan dan

kesusilaan. Antaranya seperti orang tua sudah tidak dihormati, guru dimusuhi, cedera mencedera sesama rakan, bunuh membunuh, ketagihan dadah, khianat, sikap terlalu mementingkan diri, tidak bertimbang rasa di jalan raya, perosak harta benda awam (vandalisme), pengacau jiran dan sebagainya (A. Aziz Deraman, 2002).

Belia yang dianggap sebagai harapan bangsa dan tiang negara juga ada antaranya melakukan jenayah. Laporan media terkini melaporkan kes yang dikaitkan dengan golongan belia iaitu isu Alvin dan Vivian yang mempersendakan umat Islam apabila memuat naik gambar makanan yang menyentuh sensitiviti umat Islam di akaun laman sosial milik mereka (Berita Harian, 2013), kes penderaan terhadap kanak-kanak yang dikaitkan dengan golongan remaja turut meningkat menurut Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (Berita Harian, 2013), fenomena terbaru iaitu pembunuhan yang menggunakan senjata api semakin berleluasa (Harian Metro). Jenayah ini melibatkan unsur rompakan atau samun serta bermotif isu peribadi. Walaupun tidak semua belia yang terlibat, realitinya masih terlalu ramai yang semakin pupus nilai murni dalam diri mereka.

Perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sepanjang 2009, sebanyak 3,654 kes di kalangan remaja termasuk jenayah berat seperti rogol, ragut, samun berkumpulan dan bersenjata serta jenayah kekerasan dilaporkan dengan 1,409 kes. Bagi sepanjang tahun 2010 pula, 5,165 kes di kalangan remaja dilaporkan iaitu masing-masing 1,947 kes membabitkan pelajar dan 3,218 kes oleh bukan pelajar. Ia menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 38 peratus berbanding pada tahun 2009. Kepentingan nilai murni dalam kalangan belia adalah merupakan perkara utama dalam membentuk generasi yang berilmu dan berbudaya yang menyumbang kepada keharmonian hidup.

Nilai-nilai murni dilihat bersifat sejagat atau universal dan relevan serta realistik dalam memenuhi komponen keperluan kehidupan manusia (Shuhairimi Abdullah, 2009). Nilai-nilai murni patut dikembalikan sebagai nilai-nilai positif yang menjadi landasan perpaduan negara dan integrasi nasional. Pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat adalah menjadi asas penting dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan menjalani kehidupan yang berbeza. Tanpa nilai yang universal ini rakyat akan terdorong untuk menerima dan menyanjung nilai-nilai lain yang sangat asing bagi masyarakat Malaysia (Fatimi Hanafi & Mohd Zamani Ismail, 2006).

Nilai-nilai murni mencerminkan identiti bangsa. Jelasnya untuk menjadi satu bangsa yang dihormati, kita perlu mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi dalam kehidupan seharian, baik semasa bekerja atau bersosial. Malah ia merupakan prinsip utama pembangunan dan peradaban. Justeru itu, dalam usaha mengejar kemajuan, kita tidak boleh mengetepikan elemen-elemen kesederhanaan, bertimbang rasa, berbudi bahasa, hormat-menghormati dan nilai-nilai murni lain kerana ianya berperanan dalam menentukan hala tuju ketamadunan sesuatu bangsa.

## METODOLOGI

Reka bentuk penyelidikan yang dipilih dalam kajian ini adalah penyelidikan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini dijalankan di empat daerah di Selangor iaitu daerah Gombak, Ulu Langat, Petaling dan Klang. Keempat-empat daerah ini dipilih kerana lokasi ini merupakan pembangunan yang pesat dan stabil serta mempunyai penduduk yang ramai dan berbilang etnik berbanding daerah-daerah lain yang terdapat di negeri Selangor. Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), seramai 384 orang responden yang dicadangkan. Namun, bagi mendapatkan data yang lebih tepat terhadap populasi, maka pengkaji memilih seramai 400 orang responden bagi kajian ini. Jumlah responden bagi setiap daerah adalah seramai 100 orang belia yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India. Kategori umur responden adalah di antara 15 hingga 25 tahun. Peringkat umur ini dipilih kerana menurut Asnarulkhadi Abu Samah (2011), peringkat umur ini sangat mencabar di mana mereka mudah terpengaruh, jiwa yang bergelora dan sentiasa berusaha mengenali dan mencari identiti diri. Data kajian yang telah diperoleh dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS versi 21.0. Data kajian diuraikan secara statistik deskriptif.

## DAPATAN KAJIAN

### **Profil Responden**

**Jadual 1: Profil Responden**

	<b>Faktor demografi</b>	<b>Frekuensi (n=400)</b>	<b>%</b>
Julat Umur	15	27	6.8
	16	43	10.8
	17	63	15.8
	18	69	17.3
	19	29	7.3
	20	54	13.5
	21	26	6.5
	22	19	4.8
	23	33	8.3
	24	15	3.8
	25	22	5.5
Jantina	Lelaki	204	51.0
	Perempuan	196	49.0

<b>Faktor demografi</b>		<b>Frekuensi (n=400)</b>	<b>%</b>
Etnik	Melayu	133	33.3
	Cina	134	33.5
	India	133	33.3
Agama	Islam	141	35.3
	Buddha	112	28.0
	Kristian	38	9.5
	Hindu	106	26.5
	Lain-lain	3	.8
Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah	11	2.8
	Sekolah Menengah (PMR/SPM/ STPM)	215	53.8
	Pengajian Tinggi (Sijil/Diploma/ Ijazah/ Sarjana/ PhD)	174	43.5

Sumber: Data Penyelidikan, 2013

Jadual 1 menunjukkan taburan profil responden. Responden kajian ini merupakan 400 orang belia yang diperoleh di empat daerah negeri Selangor iaitu Gombak, Klang, Petaling dan Ulu Langat. Berdasarkan Jadual 1, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah lingkungan umur 15 hingga 25 tahun dengan majoriti responden dalam kalangan julat umur 18 hingga 20 tahun iaitu seramai 152 orang (38.1%). Seterusnya diikuti julat umur 15 hingga 17 tahun seramai 133 orang (33.4%), julat umur 21 hingga 23 seramai 78 orang (19.6%) dan julat umur 24 hingga 25 seramai 37 orang (9.3%). Justifikasi umur 15 hingga 25 tahun dipilih kerana dalam kategori umur belia sebegini berpotensi melakukan atau terjebak dalam sesuatu keadaan atau perilaku yang bertentangan dengan norma agama, adat resam, budaya dan sistem nilai dalam masyarakat.

Kajian ini melibatkan responden lelaki sebanyak 204 (51.0%) orang manakala perempuan sebanyak 196 (49.0%) orang. Responden terdiri daripada etnik Melayu seramai 133 orang (33.3%), Cina seramai 134 orang (33.5%) dan India seramai 133 orang (33.3%). Dari segi kepercayaan beragama, responden kajian ini merangkumi pelbagai latar belakang agama iaitu responden yang beragama Islam adalah majoriti dengan peratusan sebanyak 35.3% iaitu seramai 141 orang, diikuti mereka yang beragama Buddha seramai 112 orang (28.0%), Hindu seramai 106 orang (26.5%), Kristian seramai 38 orang (9.5%) dan lain-lain seramai 3 orang (0.8%).

Seterusnya, kajian mendapati bahawa majoriti responden terdiri daripada mereka yang mempunyai taraf pendidikan menengah iaitu seramai 215 orang (53.8%). Manakala, seramai 174 orang (43.5%) mempunyai taraf pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Hanya 11 orang (2.8%) mempunyai taraf pendidikan sekolah rendah.

### **Pengetahuan belia terhadap nilai-nilai murni**

Bahagian ini menghuraikan aspek pengetahuan belia terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat.

**Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Pengetahuan Responden**

Variabel	Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan belia	0.7198	0.20027

Sumber: Data penyelidikan, 2013

Bagi menghuraikan keseluruhan tahap pengetahuan responden terhadap nilai-nilai murni, jumlah keseluruhan min dikira dan dibahagikan dengan jumlah item untuk menghasilkan min keseluruhan. Berdasarkan jadual 2, min bagi pengetahuan responden ialah, min = 0.7198 ( $SP = 0.20027$ ). Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan responden terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat adalah tinggi. Taburan penentuan min tahap pengetahuan responden dapat dilihat berdasarkan Jadual 3.

**Jadual 3: Taburan Penentuan Min Tahap Pengetahuan Responden**

Tahap/kelas	Sisihan Piawai
Rendah	0 – 0.3333
Sederhana	0.3334 – 0.6667
Tinggi	0.6668 – 1.0000

Sumber: Data penyelidikan, 2013

**Bagi mendapatkan taburan ini, kaedah kelas berikut telah digunakan:**

$$\text{Selang kelas} = \frac{\text{skala maksimum} - \text{skala minimum}}{\text{Bilangan kelas yang diambil}}$$

$$\text{Selang kelas} = \frac{1 - 0}{3}$$

$$\text{Selang kelas} = 0.3333$$

Sumber: Piaw, C. Y. (2006)

Pengetahuan responden terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat telah diukur dengan menggunakan dua skala. Skala bagi jawapan yang salah adalah 0 manakala 1 bagi jawapan yang betul. Min setiap item bagi pengetahuan responden dipaparkan dalam Jadual 4. Kajian mendapati terdapat 8 item menunjukkan pengetahuan responden yang tinggi (baik) terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat. Kesemua min tersebut berada pada aras 0.6668 – 1.0000. Kebanyakan item yang tinggi didapati daripada dimensi nilai berbudi bahasa dan nilai hormat-menghormati. Min yang tinggi bagi kebanyakan responden menunjukkan mereka mempunyai asas kefahaman yang baik terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat.

Manakala 4 item selebihnya iaitu item 1, 3, 5 dan 6 menunjukkan pengetahuan responden adalah di tahap sederhana iaitu pada aras 0.3334 – 0.6667. Item-item tersebut merupakan item yang terkandung dalam dimensi nilai kesederhanaan dan nilai bertimbang rasa. Jadual 4 menunjukkan taburan pengetahuan belia terhadap nilai-nilai murni.

**Jadual 4: Taburan Kekerapan dan Min Pengetahuan Belia Terhadap Nilai-nilai Murni**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Salah (0)</b>	<b>Betul (1)</b>	<b>Min</b>
		<b>n</b>	<b>n</b>	
<b>Nilai Kesederhanaan</b>				
1.	‘Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain’.	183	217	0.5425
2.	‘Wong tetap menggunakan telefon yang sedia ada berbanding kawan-kawannya yang sering menukar telefon setiap kali ada keluaran terbaru’.	98	302	0.7550
3.	‘Ehsan membahagikan masa secara seimbang kepada diri, keluarga dan kerja’.	199	201	0.5025
<b>Nilai Bertimbang Rasa</b>				
4.	Sifat menunjukkan rasa kasih, belas kasihan dan simpati/ berlaku adil seperti mengambil kira keperluan dan perasaan orang lain apabila membuat sesuatu tindakan.	92	308	0.7700

Bil.	Perkara	Salah (0) n	Betul (1) n	Min
5.	‘Suresh membuat bising dengan menunggang motosikal yang diubahsuainya tanpa menghiraukan masyarakat sekitar’.	175	225	0.5625
6.	‘Siti yang tinggal di kawasan flat mencampak keluar sampah ke bawah tanpa menghiraukan orang yang lalu lalang atau perasaan jirannya yang tinggal di tingkat bawah’.	169	231	0.5775
<b>Nilai Berbudi Bahasa</b>				
7.	Mengamalkan tutur kata dan tingkah laku yang sopan dalam kehidupan seharian.	55	345	0.8625
8.	‘Suzy bercakap dengan nada yang lembut sewaktu memberi penerangan kepada pelanggan di sektor perkhidmatan’.	66	334	0.8350
9.	‘Mira mengucapkan terima kasih apabila menerima sesuatu di atas pemberian seseorang’.	67	333	0.8325
<b>Nilai Hormat Menghormati</b>				
10.	Perbezaan budaya, adat resam dan agama etnik lain perlu dihormati kerana ia kunci kepada keharmonian sesebuah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik.	78	322	0.8050
11.	‘Ravi tidak membantah cakap ibu bapanya apabila diminta untuk membuat sesuatu’.	68	332	0.8300
12.	‘Janet memahami amalan budaya kaum lain dan turut meraikan pelbagai perayaan apabila di undang’.	95	305	0.7625

Sumber: Data penyelidikan, 2013

Analisis kajian menunjukkan bahawa pengetahuan responden terhadap kesemua empat nilai murni iaitu kesederhanaan, bertimbang rasa, berbudi bahasa dan hormat-menghormati adalah di tahap yang baik dan tinggi. Item 1 hingga 3 mengukur dimensi nilai kesederhanaan, item 4 hingga 6 mengukur dimensi nilai bertimbang rasa, item

7 hingga 9 mengukur dimensi nilai berbudi bahasa dan item 10 hingga 12 mengukur dimensi nilai hormat-menghormati.

Sebagai contoh bagi dimensi nilai berbudi bahasa, item 7 (“Mengamalkan tutur kata dan tingkah laku yang sopan dalam kehidupan sehari-hari mencerminkan nilai \_\_\_\_\_”) menunjukkan seramai 345 orang responden memberikan jawapan yang betul dengan min 0.8625. Begitu juga bagi nilai hormat-menghormati, item 11 (“Ravi tidak membantah cakap ibu bapanya apabila diminta untuk membuat sesuatu. Sikap Ravi merujuk kepada nilai \_\_\_\_\_”) menunjukkan seramai 332 responden memberikan kenyataan yang betul dengan min 0.8300.

Analisis menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap kedua-dua nilai ini (berbudi bahasa dan hormat menghormati) berada pada tahap baik dan tinggi. Ini menunjukkan responden faham tentang kepentingan memupuk nilai-nilai murni dalam diri mereka. Dapatkan kajian menunjukkan nilai berbudi bahasa merupakan nilai yang paling difahami oleh responden diikuti dengan nilai hormat-menghormati, bertimbang rasa dan kesederhanaan.

#### **Skor pengetahuan belia terhadap nilai-nilai murni**

Tahap pengetahuan responden terhadap nilai-nilai murni secara keseluruhan boleh dilihat pada taburan skor merangkumi rendah, sederhana dan tinggi.

**Jadual 5: Tahap Pengetahuan Nilai Murni**

Pemboleh Ubah	Frekuensi	%
Rendah	107	26.8
Sederhana	130	32.5
Tinggi	163	40.8

Sumber: Data penyelidikan, 2013

Dapatkan dalam Jadual 5 menunjukkan seramai 163 (40.8%) orang responden mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap nilai-nilai murni dalam masyarakat. Manakala skor responden yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah seramai 107 (26.8%) orang responden. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan belia terhadap nilai-nilai murni adalah tinggi dan menunjukkan mereka mempunyai asas kefahaman yang baik terhadap nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat.

#### **Tahap pengetahuan belia berdasarkan etnik**

Jadual 6 menunjukkan tahap pengetahuan belia berdasarkan etnik yang merangkumi etnik Melayu, Cina dan India.

**Jadual 6: Tahap Pengetahuan Belia Pelbagai Etnik Terhadap Nilai Murni**

<b>Etnik</b>	<b>Skor</b>		
	<b>Rendah</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Tinggi</b>
Melayu	27	58	48
Cina	27	37	70
India	53	35	45
<b>JUMLAH</b>	<b>107</b>	<b>130</b>	<b>163</b>

Sumber: Data penyelidikan, 2013

Jadual 6 menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap nilai-nilai murni adalah tinggi dengan majoriti seramai 163 orang responden mendapat skor yang tinggi. Seramai 130 orang mendapat skor sederhana dan 107 orang responden mendapat skor rendah. Etnik Cina mempunyai skor tahap pengetahuan yang tinggi terhadap nilai murni iaitu seramai 70 orang responden diikuti dengan etnik Melayu seramai 48 orang responden dan etnik India seramai 45 orang responden. Ini mungkin disebabkan walaupun nilai murni sinonim dengan masyarakat Melayu tetapi masyarakat Cina juga mempelajarinya yang boleh diperoleh daripada agama mereka, didikan ibu bapa, sekolah dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah dapat mengukur tahap kefahaman belia terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat. Berdasarkan dapatan yang ditunjukkan dalam jadual 2, min bagi pengetahuan responden ialah,  $\text{min} = 0.7198$  ( $SP = 0.20027$ ). Jadual 5 pula menunjukkan sebanyak 26.8% responden mempunyai tahap pengetahuan yang rendah, 32.5% pengetahuan responden berada pada tahap sederhana dan sebanyak 40.8% responden adalah pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan nilai-nilai murni responden di Selangor adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan peratusan responden sebanyak 40.8% (163).

Ini bermaksud responden mempunyai pengetahuan serta kefahaman yang tinggi terhadap nilai berbudi bahasa, hormat-menghormati, bertimbang rasa dan kesederhanaan dalam diri mereka. Ini mungkin disebabkan mereka telah terdidik atau diajar dengan nilai-nilai yang baik sejak dari kecil lagi tentang kepentingan dan keutamaan nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Pengetahuan yang tinggi dan pendedahan kepada pengalaman nilai dapat membantu menentukan kadar pencapaian perkembangan atau pengamalan terhadap nilai-nilai murni (Jas Laile Suzana Jaafar, 2002).

Nilai-nilai murni memainkan peranan yang sangat penting bagi menentukan tingkah laku dan membentuk serta memelihara peribadi mulia seseorang. Nilai-nilai murni patut dipelajari dan diajarkan kepada individu sebagai satu cara praktikal untuk membantu individu mengenal pasti kedudukannya dalam sesuatu isu sosial atau moral. Nilai bukan sahaja memberi tunjuk arah kepada seseorang tentang bagaimana dia patut berkelakuan terhadap orang lain, malah bagaimana untuk menilai tingkah laku sendiri serta orang lain. Pengetahuan nilai boleh diperoleh dengan melibatkan diri dengan keperluan kehidupan sebenar dalam komuniti setempat.

Kepentingan nilai-nilai murni tidak dapat dinafikan dalam membentuk personaliti unggul dalam kalangan belia. Generasi muda yang merupakan pewaris kepimpinan negara perlulah dididik dengan nilai-nilai murni agar terbentuk masyarakat yang bertamadun, beretika dan bermoral. Kepentingan nilai-nilai murni dalam kalangan belia adalah seajar dengan Wawasan 2020. Cabaran ke empat daripada sembilan cabaran yang digariskan ada menyebutkan, cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kerohanian dan di dokong oleh nilai etika yang tinggi. Ini dapat membantu perkembangan sahsiah diri belia yang lebih berdaya saing dalam semua aspek kehidupan tanpa mengetepikan akhlak, nilai-nilai moral dan adat ketimuran.

Nilai-nilai murni boleh dikaitkan dengan aspek ketamadunan kerana keseluruhan tamadun manusia akan menggunakan peradaban sebagai satu petunjuk kepada puncak moral yang tinggi. Manusia yang beradab mempunyai akhlak yang tinggi dan mulia. Dalam konteks pembangunan di Malaysia, individu yang mempunyai nilai tinggi, bijak menggunakan bahasa, memancarkan kelakuan yang mulia dan sentiasa memikirkan hal diri dan rakan-rakannya. Sikap sebegini amat penting dalam negara seperti Malaysia kerana masyarakatnya yang majmuk serta berlainan norma, nilai dan kebudayaan.

## **RUJUKAN**

- A.Aziz Deraman. 2002. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farabi Sheikh Syed Al Jabri. 2013. Warga Emas Maut Diragut. *Utusan Malaysia Online*.
- Fatimi Hanafi dan Mohd. Zamani Ismail. 2006, 13-14 Jun. *Penghayatan Nilai-Nilai Murni Dalam Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Umum.
- Hadzlihady Hassan. 2013. *Tiga Kes Tembak dalam Tempoh 24jam*. [On-line]. Available: <http://www.hmetro.com.my/>. [Access on 02/08/2013].

- Huw. T. 2012. Values and The Planning School. *Planning Theory*, 11(4): 400-417.
- Ibu Blogger Hina Islam Beri Keterangan.* [On-line]. Available: <http://www.bharian.com.my/>. [Access on 06/08/2013].
- Lee Y. F dan Sarjit S. Gill. 2008. Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentar. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 16(1): 107-113
- Mohamad Khairi Hj. Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid dan Samsilah Roslan. 2012. *Penghayatan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA.
- Mohd Ibrani Shahrimin Adam Assim, Mohd Roslan Rosnon, Mohamad Fauzi Abdul Latib dan Yasmin Yaacob. 2011. Cabaran Intrinsik Pembangunan Belia di Malaysia. Belia Pewaris 1 Malaysia. Selangor: Universiti Putera Malaysia.
- Mohd Rashid Md Idris. 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Perak. Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Pelajar 15 Tahun Dakwa Dirogol Rakan Sekolah.* [On-line]. Available: <http://www.utusan.com.my/>. [Access on 18/11/2013].
- Penderaan Kanak-Kanak Tahun Lalu Meningkat 17.8 Peratus.* [On-line]. Available: <http://www.bharian.com.my/>. [Access on 01/08/2013].
- Piaw, C. Y. 2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur. McGraw Hill Education.
- Sarjit S. Gill & W.A.Amir Zal Wan Ismail. 2008. Perubahan Nilai Budaya Belia Malaysia Menuju Wawasan 2020. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1(12):15-34.
- Sarjit S. Gill, Jayum Jawan, Lee Y. F, Mohd Mahadee Ismail, Mohamad Fazli Sabri & W.A.Amir Zal Wan Ismail. 2008. Laporan penyelidikan Persepsi dan Amalan Nilai Budaya Belia Malaysia Menuju Wawasan 2020.
- Shuhairimi Abdullah. 2009. *Dinamisme Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar. Universiti Malaysia Perlis.
- Polis Diraja Malaysia Statistik. 2010. Jenayah Indeks oleh Polis Diraja Malaysia.

Syed Othman Syed Omar. 2005. *Nilai Murni Bangsa Malaysia Melalui Amalan Perpaduan*. Dalam Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society Promoting National Unity and the Practice of Noble Values. Muhammad Kamarul Kabilan & Zaharah Hassan (Eds), (19-27). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam dan Azimi Hamzah. 2008. Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1(12):1-13.

**Profil Penulis:**

*Wan Nor Azilawanie binti Tun Ismail  
Pelajar  
Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[zila\\_wna@yahoo.com](mailto:zila_wna@yahoo.com)*

*Adlina binti Ab. Halim, PhD  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[adlina@upm.edu.my](mailto:adlina@upm.edu.my)*

*Zarina binti Muhammad  
Pensyarah  
Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[zbm@upm.edu.my](mailto:zbm@upm.edu.my)*

*Lee Yok Fee, PhD  
Pensyarah  
Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[leeyokfee@upm.edu.my](mailto:leeyokfee@upm.edu.my)*